

PENCEGAHAN TINGKAH LAKU AGRESIF ‘SAMSENG JALANAN’ BERKONSEPKAN STRATEGI “COMMUNITY-ORIENTED POLICING”

Zalmizy Bin Hussin,
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,
Universiti Sains Malaysia,
11700 Minden, Penang.
zalmizy@gmail.com

Abstrak

Malaysia kini mengalami transformasi pembangunan dan pemodenan pesat yang mana ianya turut memberi implikasi kepada perubahan ekonomi, kawalan sosial dan pemikiran masyarakatnya. Ketidakseimbangan ekonomi, sosial dan kehidupan masyarakat antara faktor yang turut mempengaruhi peningkatan kes-kes jenayah salah laku ‘Samseng Jalan’ di negara ini. Kekangan ini mempengaruhi transmisi perubahan sikap masyarakat tentang peranan mereka dalam pencegahan jenayah. Ke arah itu, pihak Polis perlu membentuk satu mekanisme yang mendorong dan merangsang masyarakat untuk turut sama memainkan peranan dalam mencegah jenayah. Keamanan dan keselamatan negara memerlukan jalinan kerjasama erat antara masyarakat dan polis. Hubungan ini perlu dikekalkan dan diperluaskan di seluruh negara dalam usaha mengurangkan kadar jenayah di negara ini. Oleh yang demikian, pelancaran kepolisan komuniti atau disebut dalam istilah Inggeris, “*community oriented policing*” (C-OP) adalah merupakan satu elemen penting dalam mengurangkan indeks atau kadar jenayah. Artikel ini membincangkan pencegahan tingkah laku agresif ‘Samseng Jalan’ berkonsepkan strategi “*community-oriented policing*” yang diketengahkan untuk diaplikasi dan diadaptasi sebagai pemacu dalam usaha mencapai kelestarian keselamatan secara maksimum melalui penglibatan masyarakat. Menerusi “*community-oriented policing*” masyarakat dapat bersama-sama pihak Polis dalam merangka strategi, dasar dan pelaksanaan program pencegahan.

Kata kunci: *tingkah laku agresif, “community-oriented policing” (C-OP), ‘samseng jalanan’*

PENDAHULUAN

Malaysia kini mengalami transformasi pembangunan dan pemodenan pesat yang mana ianya turut memberi implikasi kepada perubahan ekonomi, kawalan sosial dan pemikiran masyarakatnya. Ketidakseimbangan ekonomi, sosial dan kehidupan masyarakat antara faktor yang turut mempengaruhi peningkatan kes-kes jenayah salah laku ‘Samseng Jalan’ di negara ini. Kajian statistik menunjukkan Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia, jumlah OPS yang dilakukan dari tahun 2007 hingga 2010 bagi kes lumba haram, negeri Pulau Pinang menunjukkan angka tertinggi iaitu seramai 2,244 orang, diikuti negeri Johor seramai 2,219 orang dan ketiga tertinggi jumlah OPS adalah negeri Melaka iaitu 1,387 orang. Bagi tempoh yang sama, tangkapan yang dilakukan di bawah Seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan (APJ), negeri yang menunjukkan angka tertinggi ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seramai 1,445 (Polis Diraja Malaysia, 2011). *Constraints* ini mempengaruhi transmisi perubahan sikap masyarakat tentang peranan mereka dalam pencegahan jenayah. Ke arah itu, pihak Polis

perlu membentuk satu mekanisme yang akan mendorong dan merangsang masyarakat untuk turut sama memainkan peranan dalam mencegah jenayah.

Kajian membuktikan bahawa pencegahan jenayah merupakan satu mekanisme yang komprehensif dan merupakan momentum untuk membendung serta menghalang dari berlakunya kejadian jenayah. Menerusi kaedah ini, pihak Polis dapat mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan peranan yang boleh dimainkan oleh mereka serta langkah-langkah pencegahan yang boleh diimplementasi dalam usaha mengekang kes jenayah dari berlaku. Keberkesanan program pencegahan jenayah ini dapat merealisasikan 'autopia' masyarakat untuk hidup dalam keadaan selamat dan tenteraman serta mampu mengawal tahap '*fear of crime*' masyarakat.

Konsep "*Community-Oriented Policing*" (C-OP) diketengahkan untuk diaplikasi dan diadaptasi sebagai pemacu dalam usaha mencapai kelestarian keselamatan secara maksimum melalui penglibatan masyarakat. Menerusi '*community-oriented policing*' (C-OP) masyarakat dapat bersama-sama pihak Polis dalam merangka strategi, dasar dan pelaksanaan program pencegahan. Konsep ini terbukti dapat membendung dari berlakunya kes jenayah seperti yang dikupas oleh Robert Trojannowicz (1990). Keberkesanan dalam pelaksanaan konsep ini turut diaplikasikan oleh Jabatan Polis di negara luar seperti '*Neighbourhood Watch*' di Australia, '*Base Team Policing*' di Kanada, sistem 'Koban' di Jepun, Sistem Pembinaan Dan Ketertiban Masyarakat di Indonesia dan '*Neighbourhood Police Force*' di Singapura.

Polis Diraja Malaysia komited untuk memastikan keberkesanan "*Community-Oriented Policing*" (C-OP) di mana elemen ini digarap dalam salah satu teras utama *National Key Result Areas* (NKRA) - Mengurangkan Jenayah tertumpu kepada setiap aspek memerangi jenayah bermula dari peringkat pencegahan, pengesanan awal, tangkapan, perbicaraan mahkamah, sistem penjara dan proses pemulihan. Pada masa yang sama, NKRA Mengurangkan Jenayah turut tersasar kepada inisiatif untuk menambah baik persepsi masyarakat dan meningkatkan mutu perkhidmatan pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sejak ditubuhkan pada tahun 2009, NKRA Mengurangkan Jenayah telah memberi fokus untuk merancang, menyediakan, menyelaras dan memantau 55 inisiatif yang telah dikesan oleh makmal NKRA. Secara amnya, NKRA Mengurangkan Jenayah telah melangkaui jangkaan yang dirangka dalam *Government Transformation Programmes* (GTP) apabila kadar jenayah negara jatuh mendadak, kes-kes jenayah ganas dapat diselesaikan dengan cepat, balai-balai polis diberi pemeringkatan dari segi kualiti dan lebih banyak anggota polis telah dimobilisasikan untuk berkhidmat dalam masyarakat (www.rmp.gov.my). Antara indikator yang perlu diimplementasikan ialah Melaksanakan Program '*Community Policing*' Secara Agresif.

OBJEKTIF

Kertas kerja ini mencapai beberapa objektif seperti berikut:

- a) Menerangkan definisi beberapa konsep seperti tingkah laku agresif, '*community-oriented policing*' dan 'semseng jalanan'.
- b) Menerangkan beberapa elemen teoritikal dan prinsip "*community-oriented policing*".

- c) Menerangkan amalan pelaksanaan C-OP di Malaysia.

Definisi konsep tingkah laku agresif, ‘community-oriented policing’ (c-op) dan ‘samseng jalanan’

Sebelum penerangan lanjut berkaitan pelaksanaan C-OP diuraikan, kupasan berkaitan definisi tingkah laku agresif, “*Community-Oriented Policing*” dan ‘Samseng Jalanan’ diketengahkan untuk pemahaman dan pengetahuan.

Definisi tingkah laku agresif merujuk kepada sebarang bentuk tingkah laku yang dilakukan terhadap individu lain dengan kemarahan yang membahayakan orang lain (Bushman & Anderson (2002: 28). Ia bertujuan untuk mencederakan orang lain sama ada secara fizikal mahupun verbal (Sears, Freedman, & Peplau 1985, Baron & Bryne 2000, Azizi et al., 2005, Abidin 2005, Atkinson 2005, Kenrick, Neuberg, & Cialdin 2007). Modus operandi sebagai suatu cara untuk melawan, berkelahi, melukai, menyerang, membunuh, atau menghukum orang lain (Hall & Lindzey, 1993). Lebih lanjut lagi, Bandura (1973) beranggapan bahawa tingkah laku agresif merupakan sesuatu yang dipelajari dan bukannya tingkah laku yang dibawa individu sejak lahir. Tingkah laku agresif ini dipelajari dari lingkungan sosial seperti interaksi dengan keluarga, interaksi dengan rekan sebaya dan media massa melalui *modelling*.

Penyelidik mentakrifkan terma ‘Samseng Jalanan’ sebagai “sekumpulan penunggang motosikal yang menimbulkan kekecohan di jalan raya dan dikaitkan dengan jenayah kekerasan seperti kegiatan gangster, rompakan berkumpulan, pergaduhan, vandalism atau laku musnah, membunuh, kecurian, buli, rogol, seks bebas, pengambilan dadah dan alkohol”.

Terdapat banyak teori dan pengertian mengenai “*Community-Oriented Policing*” di antaranya Stevens (2002) - “*A Preventive Approach Through An Empowered Problem-Solving Partnership of Police and Community to Control Crime, Reduce the Fear of Crime and Enhance Lifestyle Experiences Of All Community Constituence*”. Ortmeir (2002) - “*A Philosophy and a Strategy Which Promotes Community Engagement, Participation, and Problem Solving, Action Which Leads to the Discovery and Implementation of Solutions to Community Problem*”. Menurut Skogan (2006), menyatakan “*while some law enforcement officials and academics view community policing as a philosophy, to better explain police work, most individuals in the field of policing view ‘community policing’ as an actual policing technique*” (Skogan, 2006: 28).

Sebaliknya, dari sudut falsafah, Trojanowicz dan Bucqueroux (1998) menghuraikan kepolisan komuniti sebagai:

A philosophical and an organizational strategy that promotes a new partnership between the people and their police. It is based on the premise that both the police and the community must work together as equal partners to identify, prioritize and solve contemporary problems such as crime, fear of crime, social and physical disorder and overall

neighborhood decay, with the goal of improving the overall quality of life in an area (Trojanowicz & Bucqueroux, 1998: 6).

Dari perspektif gunaan pula, Peter Manning K. (2003) memberi komen seperti berikut:

The role of the officer in a [community policing] scheme is to act as a relatively visible and available watcher, based normally in an area, representing differentiated social control. The officer strives to manage disorder, control crime, and produce some level of order maintenance. The community, for its part, is expected to provide problem concerns, information, support, and feedback. In some sense, they should provide the filter and screening of problems to focus police actions. The police are expected to respond to citizens' concerns whether expressed at meetings, rallies, in person, or by phone (Manning, 2003: 185).

Berdasarkan kedua-dua kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa Polis dan masyarakat perlu bekerjasama dalam menangani sebarang isu atau kecelaruan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Pihak polis juga dikenakan dengan bekerjasama dan bekerja secara aktif dengan komuniti untuk menangani kebimbangan masyarakat. Begitu juga, masyarakat mestilah bersedia untuk melibatkan diri dan bekerjasama dengan pihak polis untuk menyelesaikan masalah masyarakat (Wilson: 8).

METODOLOGI PELAKSANAAN

'Community Policing': Elemen Teoritikal/Prinsip

Dalam membincangkan kepolisan komuniti di Kanada, Normandeau (1993) mencadangkan tujuh elemen teori untuk membantu menjelaskan komuniti kepolisan seperti berikut:

- a) Misi polis adalah pada asasnya untuk bertindak sebagai pegawai-pegawai keamanan; pegawai polis, kerja beliau menghormati hak-hak demokrasi dan kebebasan.
- b) Polis mengguna pakai strategi penting: sistematik rundingan dengan komuniti dan persatuan.
- c) Sikap dan tingkah laku polis akan sentiasa proaktif dan interaktif (polis-komuniti).
- d) Pihak polis mencurahkan tenaga mereka untuk penyelesaian masalah yang berkaitan dengan jenayah dan masalah sosial; kerjasama dengan rakan-rakan yang sesuai, mereka cuba untuk menyelesaikan punca masalah tertentu, sekurang-kurangnya sebahagiannya, dengan pencegahan seberapa banyak melalui penguatkuasaan undang-undang.
- e) Pihak polis, bersama-sama dengan perkhidmatan awam lain dan persendirian, membantu untuk meningkatkan kualiti hidup melalui program-program pencegahan komuniti, mereka cuba hanya untuk mengandungi dan mengurangkan jenayah tetapi juga untuk mengurangkan ketakutan jenayah dan menggalakkan perasaan sebenar keselamatan komuniti.
- f) Anggota polis mempunyai tahap yang tinggi dalam tanggungjawab dan autonomi, penting dalam sebuah organisasi.

- g) Bertanggungjawab kepada masyarakat dan pihak berkuasa politik yang sah mencirikan perkhidmatan polis yang berkualiti.

Skogan dan Harnet (1997), misalnya, berhujah bahawa falsafah kepolisan komuniti membawa kepada empat prinsip umum:

- a) Pembahagian organisasi dan orientasi semula untuk rondaan untuk memudahkan komunikasi dan perkongsian maklumat antara pihak polis dan orang awam.
- b) Komitmen luas untuk berorientasikan masalah kepolisan – iaitu, “pelan komprehensif untuk meningkatkan rondaan di mana keutamaan dilampirkan untuk menangani masalah substantif bentuk agensi Polis, mempengaruhi perubahan semua personel, organisasi, dan prosedur-prosedur” (Goldstein, 1990:32) – yang menganalisis masalah secara sistematik untuk membangunkan cara-cara yang lebih berkesan dalam menangani mereka.
- c) Polis pertimbangan isu-isu masyarakat dan keutamaan dalam taktik pembangunan.
- d) Komitmen polis untuk menyelesaikan masalah mereka sendiri.

‘Community Policing’: Amalan Perlaksanaan

Pencegahan Jenayah berkonsepkan “*Community-Oriented Policing*” telah lama dilaksanakan seperti ‘Sistem Salleh’, Rakan Cop, C4I, Skim Pengawasan Kejiranan, Kadet Polis, Kor Sukarelawan Siswa Dan Siswi (KOR SUKSIS) dan Sukarelawan Polis (SPDRM). Namun pelaksanaan “*Community-Oriented Policing*” perlu diperluaskan dengan melibatkan kerjasama dari badan-badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO’s), Persatuan-persatuan Peniaga / Pekilang, Bank, Persatuan-persatuan Penduduk dan lain-lain agensi kerajaan yang boleh membantu pelaksanaan aspek pencegahan jenayah dari akar umbi. Berikut adalah konsep “*Community-Oriented Policing*” yang dinyatakan sebelum ini.

Sistem Salleh

Berdasarkan sejarah “*Community-Oriented Policing*” ini telah diimplementasikan oleh Polis Diraja Malaysia pada bulan Februari, 1968 menerusi ‘Sistem Salleh’ yang dilaksanakan pada peringkat awal di Petaling Jaya. Kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan ‘Sistem Salleh’ ini telah berjaya menurunkan kadar jenayah di kawasan tersebut. Ketua Polis Negara ketika itu Tuan Salleh Ismail mengarahkan agar sistem ini diadaptasi dan dilaksanakan di semua kontinjen.

Menerusi ‘Sistem Salleh’, pegawai dan anggota Polis dilatih supaya lebih bertanggungjawab dan imej yang diketengahkan dapat diterima oleh masyarakat. Sistem ini memperlihatkan bahawa Polis bukan sekadar dilihat sebagai penguatkuasa tetapi juga sebagai sahabat. Hubungan dan ekspektasi masyarakat terhadap pihak Polis ini turut diperjelaskan oleh Elmer H. Johnson yang menyifatkan penugasan Polis sebagai ‘*guardian of society*’, ‘*peace-keeper*’ merangkumi pelbagai aspek perkhidmatan kepada masyarakat; “*Charged with preserving order in the community, the policeman as a peace-keeper is required to perform a variety of tasks, from enforcing traffic regulations, through settling of a family dispute, to leading with a large-sacred*”.

Kaedah dan pelaksanaan dalam 'Sistem Salleh' merupakan satu teras yang boleh diaplikasi dalam melaksanakan konsep "*Community-Oriented Policing*". 'Sistem Salleh' dilaksanakan berdasarkan lima objektif iaitu:

- a) Memupuk perasaan percaya orang ramai melalui kaedah bit di mana Polis dapat dilihat di jalan-jalan raya.
- b) Memberi bantuan dengan segera kepada orang ramai setelah mendapat maklumat dan aduan.
- c) Memudahkan proses penyaluran maklumat dengan memperkemas dan memperbaiki aliran maklumat.
- d) Menyediakan satu sistem yang menarik dengan tujuan melindungi atau mengurangkan bit dan kemalangan jalanraya.
- e) Menanam semangat kepada pegawai-pegawai Polis berhubung dengan tugas-tugas mereka dengan cara menyatukan pengetahuan-pengetahuan yang ada.

Menerusi 5 objektif ini, pegawai dan anggota Polis diberi tanggungjawab untuk mengendalikan dan memantau kawasan-kawasan yang telah dikategorikan seperti sektor. Pegawai dan anggota Polis ini turut ditempatkan di kawasan sektor tersebut di mana mereka bertanggungjawab mengkaji dan menjalinkan hubungan mesra dengan penduduk untuk mewujudkan keyakinan masyarakat terhadap mereka. Secara tidak langsung, pemahaman dan pengetahuan mengenai kawasan ini dapat mempertingkatkan lagi kecekapan Pegawai dan anggota untuk memastikan keselamatan setempat. Keberkesanan 'Sistem Salleh' dalam mengekang, mengawal dan membasmi jenayah telah mendapat pengiktirafan Tun Abd. Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Hal Ehwal dalam Negeri pada tahun 1968. 'Sistem Salleh' ini juga berjaya mewujudkan satu situasi di mana orang ramai tidak lagi menganggap Polis sebagai satu institusi yang ditakuti malah, sebagai sahabat yang dapat memberi bantuan apabila diperlukan. Resolusi dari pelaksanaan 'Sistem Salleh' ini membuktikan bahawa melalui kerjasama masyarakat membolehkan pihak Polis mengawal dan membendung kes-kes jenayah dari berlaku. Oleh yang demikian, pelaksanaan "*Community-Oriented Policing*" dalam mencegah jenayah merupakan satu konsep yang perlu diimplementasi sepenuhnya oleh Polis Diraja Malaysia.

Rakan Cop dan C4I

Dalam arus kepolisan moden kini, Polis Diraja Malaysia berusaha mengintegrasikan aspek kepolisan masyarakat dan teknologi terkini dalam usaha membendung dari berlakunya kes jenayah. 'Rakan Cop' yang diperkenalkan pada 9 Ogos 2004 sebagai contoh merupakan salah satu '*Community-Oriented Policing*' di mana ianya diilhamkan atas kesedaran bahawa pihak Polis adalah elemen pelengkap kepada sesebuah masyarakat yang aman dan harmoni. Pendekatan 'Rakan Cop' adalah untuk membentuk interaksi dua hala di antara Polis dan masyarakat serta menggalakkan pembabitian orang ramai dalam penyaluran maklumat. Signifikasi kepada konsep 'Rakan Cop' ini turut memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa mereka juga mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam mencegah jenayah dan keselamatan jalanraya. Keberkesanan 'Rakan Cop' ini mendapat maklumbalas yang baik dari masyarakat di

mana sejak dilancarkan sehingga 3 Disember 2007 seramai menjadi 176,481 orang ahli Rakan Cop dan sebanyak 405,888 maklumat disampaikan kepada pihak Polis.

Dalam usaha memperkukuhkan kawalan jenayah, 'Rakan Cop' ini digabungkan dengan sistem C4I iaitu Arahan dan Kawalan, Sistem Komunikasi dan Integrasi Komputer. Kedua-dua sistem ini menekankan aspek kerjasama di antara Polis dengan masyarakat di mana tindakan awal bermula dengan maklumat yang disampaikan oleh masyarakat dan respond serta tindakan balas yang diberikan oleh pihak Polis. Sejak kedua-dua sistem ini diperkenalkan terdapat pengurangan ketara dalam kes-kes rompakan dan ragut khususnya di Kuala Lumpur.

Skim Pengawasan Kejiranan

Selain 'Rakan Cop' dan C4I, pelaksanaan "*Community-Oriented Policing*" turut digarapkan dalam 'Skim Pengawasan Kejiranan'. 'Skim Pengawasan Kejiranan' ini dibentuk untuk menyemai semangat kejiranan dalam membendung jenayah di kawasan tempat tinggal. Pendekatan dalam 'Skim Pengawasan Kejiranan' adalah mudah di mana masyarakat bertindak sebagai 'mata dan telinga' kepada pihak Polis dalam mengawasi serta melaporkan sebarang insiden yang melibatkan keselamatan jiran mereka. Antara perkara yang boleh disampaikan oleh masyarakat ialah cubaan pecah masuk rumah jiran, kes penderaan dan sebagainya. Skim ini tidak memerlukan ahlinya untuk menjalankan rondaan tetapi sekadar bertindak mengawasi keselamatan kejiranan di kawasan tersebut.

Sekiranya diteliti, 'Skim Pengawasan Kejiranan' ini meletakkan ahli masyarakat itu sendiri sebagai peranan utama dalam mengawasi, memantau dan menjaga keselamatan di dalam kawasan di mana mereka tinggal. Pihak Polis hanya sebagai unit sokongan dalam memberi bantuan sekiranya diperlukan. 'Skim Pengawasan Kejiranan' ini membuktikan bahawa keselamatan dan ketenteraman awam dapat direalisasikan menerusi kerjasama masyarakat. Elemen ini turut ditegaskan oleh Mary Jeanette Hareman (1980), iaitu "*There is a direct correlation between citizen's willingness to report violation, to testify voluntarily as witnesses, and the police agency's operation, since citizen assistance is crucial to law enforcement agencies if the police are to resolve an appreciate proportion of the crimes that are committed*".

Kadet polis dan KOR SUKSIS

Penyelidik juga menyarankan agar pendekatan teori 'Broken Windows' oleh James Q. Wilson dan George L. Kelling iaitu, "*Consider a building with a few broken windows. If the windows are not repaired, the tendency is for vandals to break a few more windows. Eventually, they may even break into the building, and if it's unoccupied, perhaps become squatters or light fires inside*". Menurut teori ini, strategi yang terbaik untuk mencegah sesuatu jenayah ialah untuk menyelesaikannya ketika ia masih kecil. Berdasarkan teori tersebut maka, Kadet Polis dan Kor Suksis perlu diwacanakan selari dengan pelaksanaan pencegahan jenayah melalui konsep "*Community-Oriented Policing*".

Kadet Polis telah lama ditubuhkan di peringkat sekolah di mana kewujudannya selaras dengan peruntukkan Seksyen 68 Akta Polis 1967. Penubuhannya telah diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai satu kegiatan ko-kurikulum Sekolah Menengah sebagaimana yang ditakrif dalam Akta Pelajaran 1961, P.K (A) 487 bertarikh 20 November 1969. Kadet Polis ini ditubuhkan bertujuan untuk membentuk sahsiah, rohani dan moral remaja yang berdisiplin dan bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara. Selain itu, ahli-ahli Kadet Polis diberi pendedahan tentang peranan yang boleh dimainkan oleh mereka dalam menangani masalah jenayah dan sosial khususnya yang berlaku di peringkat sekolah. Ahli-ahli Kadet Polis diberi pendedahan dan pengetahuan tentang aspek peningkatan rohani, jasmani, kognitif dan psikomotor yang akhirnya dapat melahirkan insan yang seimbang dan harmonis. Menerusi kaedah ini, ahli-ahli kadet akan menjadi masyarakat yang berketerampilan serta dapat memainkan peranan aktif untuk bersama-sama pihak Polis dalam menangani masalah jenayah dan sosial semasa mereka dewasa.

Kesinambungan dalam peranan serta semangat yang wujud dalam Kadet Polis di peringkat Sekolah Menengah telah diperluaskan ke peringkat Intituti Pengajian Tinggi Awam di mana Kor Sukarelawan Siswa/Siswi (KOR SUKSIS) ditubuhkan pada tahun 2004. KOR SUKSIS ini diwujudkan sebagai medium dalam melahirkan siswa dan siswi yang bakal menyambung tugas kepolisan untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman awam pada masa. Selain itu, KOR SUKSIS ini dilihat sebagai momentum untuk menggalakkan kerjasama masyarakat khususnya siswa dan siswi untuk bersama-sama Polis dalam usaha mencegah jenayah.

Signifikan kepada kewujudan Kadet Polis dan KOR SUKSIS merupakan satu penggerak dalam pembentukan masyarakat yang mempunyai kesedaran tinggi tentang peranan dan tanggungjawab yang perlu dimainkan mereka untuk membendung kes-kes jenayah.

Inter-Agency Co-Operation

Dalam usaha merealisasikan pencegahan jenayah melalui konsep “*Community-Oriented Policing*”, Polis Diraja Malaysia perlu mendapatkan sokongan dan kerjasama padu dari kerajaan, agensi-agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO’s), persatuan-persatuan perkilangan, penduduk, Rukun Tetangga dan sebagainya. Dengan menggunakan kepakaran, teknologi, peralatan dan sebagainya yang dimiliki oleh agensi-agensi, persatuan dan NGO’s, pihak Polis dapat menggerakkannya ke arah merealisasikan pencegahan jenayah dengan lebih berkesan.

Salah satu mekanisme yang boleh digunakan oleh Polis Diraja Malaysia ialah menggunakan khidmat Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dalam operasi-operasi cegah jenayah. RELA ditubuhkan semasa konfrontasi di antara Malaysia dan Indonesia di mana anggota RELA ditugaskan untuk memantau sebarang bentuk pencerobohan oleh angkatan bersenjata Indonesia. Berfungsi di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, RELA masih lagi bergiat aktif pada hari ini terutama di kawasan luar bandar dan seringkali terlibat dalam operasi-operasi Polis untuk mengesan dan menghalang kemasukan pendatang tanpa izin serta mencegah kegiatan

penyeludupan di kawasan sempadan. Dengan jumlah kekuatan RELA seramai 494,145 orang (sehingga 31 Oktober 2007) pihak Polis mampu mengimplementasikan pencegahan jenayah lebih sistematik dan berkesan.

Pencegahan jenayah menerusi konsep “*Community-Oriented Policing*” juga boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan dengan bantuan Rukun Tetangga (RT) yang kini berjumlah 3,780 kawasan dengan keahlian seramai 408,509 ahli. Menerusi jalinan kerjasama di antara Polis dan Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional, Rukun Tetangga boleh digembeling untuk membantu dalam usaha mencegah jenayah sehingga ke peringkat akar umbi. Ahli-ahli Rukun Tetangga terdiri dari masyarakat yang mampu membentuk perisai dalam menangani isu-isu sosial dan jenayah setempat.

Selain Rukun Tetangga dan RELA, Polis Diraja Malaysia juga menjalinkan kerjasama dengan Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung/Bandar (JKKK/JKKB) yang berperanan untuk memastikan keselamatan di kawasan mereka. Menerusi pendekatan ‘Smart-Partnership’, Polis Diraja Malaysia perlu menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain seperti Jabatan Imigresen dalam menangani kes-kes pendatang haram dan pengesahan pasport, Jabatan Penerangan untuk memberi kesedaran dan pendidikan tentang peranan dan tanggungjawab masyarakat dalam mencegah jenayah, Kementerian Pendidikan dalam menangani masalah sosial di kalangan pelajar dan sebagainya.

Psikologi

Huraian di atas jelas menunjukkan bahawa masyarakat memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam. Oleh yang demikian, Polis Diraja Malaysia perlu membentuk mekanisme yang dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap peranan dan tanggungjawab mereka. Pendekatan perlulah bersifat psikologi yang mampu mendorong masyarakat untuk turut memainkan peranan dalam pencegahan jenayah. Kempen-kempen, dialog, perjumpaan, seminar, penglibatan Polis dalam aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya perlu dipergiatkan dan dipertingkatkan dalam usaha mewujudkan perhubungan erat di antara Polis dan masyarakat.

PENUTUP

Usaha mencegah jenayah dapat direalisasikan apabila bidang kepolisan menjadi bidang yang berorientasikan masyarakat atau lebih dikenali sebagai “*Community-Oriented Policing*”. Menerusi konsep ini masyarakat turut memainkan peranan dalam menentukan strategi dan terlibat secara langsung dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman di kawasan mereka. Pencegahan jenayah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan melalui “*Community-Oriented Policing*” di mana Polis dan masyarakat bekerjasama sebagai satu unit, iaitu ‘*the police are the public and the public are the police*’. Secara tidak langsung, situasi ini memberi kesan kepada kawalan dan penurunan kes jenayah di Malaysia.

RUJUKAN

- _____ . (2011). Statistik lumba haram. Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman.
- Anderson, C.A., & Bushman, B.J. (2002). Human aggression. *Annual Review of Psychology*, 53: 27-51.
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim & Yusof Boon. (2005). *Psikologi Sosial: Alam Remaja*. Bentong, Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Bandura, A. (1973). *Aggression: A Social Learning Analysis*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Baron, R.A., & Byrne, D.B. (2000). *Social Psychology. Understanding Human Interaction*. Boston: Allyn & Bacon.
- Goldstein, H. (1990). *Problem Oriented Policing*. Philadelphia: Temple University Press.
- Hall, C. S & Lindzey, G. (1993). *Teori Psikodinamika (klinis)*. Jakarta: Kanisius.
- Kenrick, D. T., Neuberg, S. L., & Cialdini, R. B. (2007). *Social psychology: Goals in interaction* (4th edition.). New York, NY: Allyn and Bacon.
- Manning, P. (2003). *Policing Contingencies*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Normandeau, A. (1993). Community policing in Canada: A review of some recent studies. *American Journal of Police*, 12(1): 57–74.
- Ortmeier, P. J. (2002). *Policing the community: A guide for patrol operations*. Upper Saddle River, N.J: Prentice Hall.
- Sears, D. O., Freedman, J. L. & Peplau, L. A. (1985). *Social Psychology*. 5th edition. Englewood Cliffs, N. J: Prentice Hall. Chapter 6-7.
- Skogan, W. and S. Harnett. (1997). *Community Policing Chicago Style*. New York: Oxford University Press.
- Skogan, W. G. (2006). *Police and Community in Chicago: A Tale of Three Cities*. New York: Oxford University Press.
- Stewens, J. (2002). *Applies Multivariate Statistics for the Social Sciences (4th Edition)*. Mahwah, N. J: Lawrence Erlbaum Associates.
- Trojanowicz, Robert C. & Bonnie Bucqueroux. (1990). *Community Policing: A Contemporary Perspective*. Cincinnati, OH: Anderson.
- Trojanowicz, Robert C, & Bonnie Bucqueroux. (1998). *Community Policing: How to Get Started* (2nd Ed.). Cincinnati: Alderson Publishing Co.
- Wilson, J.Q. and G. Kelling. (1982, March). *Broken Windows: The Police and Neighborhood Safety*. *Atlantic Monthly*, 249(3): 29–38.